

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: PPA UUM COB
Sent: Tuesday, February 14, 2017 2:30 PM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Cc: Dr. Hendrik bin Lamsali; Wan Norazlinda binti Wanchik; Prof. Madya Dr. Siti Zubaidah bt. Othman
Subject: PPA UUM COB : BERITA DARI BUMI SURABAYA



**PEJABAT PEMBANGUNAN
PELAJAR DAN ALUMNI**

STUDENT DEVELOPMENT & ALUMNI OFFICE
COLLEGE OF BUSINESS

Universiti Utara Malaysia

Nurturing Future Leaders, Expanding Opportunities

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

14 FEBRUARI 2017 / 17 JAMADILAWAL 1438H

=====

“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Assalamualaikum & salam sejahtera



Choo Peck Wei bersama tiga (3) pelajar lain antara yang terpilih menerima tajaan daripada Universitas Airlangga, Surabaya Indonesia (AMERTA) untuk mengikuti program mobiliti berkredit selama 1 semester

Melalui kiriman e-mel kepada pejabat PPA UUM COB, Peck Wei sebagai wakil rakan-rakan yang lain iaitu Ariani Faqihah Abdul Halim (Pentadbiran Perniagaan) dan Wan Hasanah Megat Ajib (Kewangan dan Perbankan Islam) turut berkongsi pengalaman berharga sepanjang 5 bulan mereka berada di Surabaya iaitu negeri kedua terbesar selepas Jakarta.

Selain peluang bergaul dengan pelajar tempatan dan pelajar mobiliti dari pelbagai negara, mereka tidak melepaskan peluang menyertai aktiviti mendaki gunung yang sememangnya merupakan sesuatu yang amat berharga. Gunung Penanggungan, Gunung Semeru, Gunung Buthak, Gunung Bromo, dan Kawah Ijen' telah berjaya ditawan oleh Peck Wei dan rakan-rakan.

“Setiap pendakian bukan sahaja menguji fizikal malah menguji mental kesabaran saya untuk sampai ke puncak” ujarnya.

Pelajar semester enam kursus Sarjana Muda Pengurusan Operasi dengan Kepujian ini juga turut merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada UUM dan PPA UUM COB khususnya kerana memberi peluang kepada beliau menyertai program mobiliti ke luar negara.

Segala ilmu yang dipelajari akan dikongsi dan dipraktikkan bersama rakan-rakan sekembalinya ke UUM.

Habis.

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni
UUM College of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah
(04-928 6610
✆ 04-928 6606
Website: <http://uumpacob.uum.edu.my>
Facebook: www.facebook.com/PPACOB



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the

sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.